



PETRONAS

Panduan Am Lesen dan Pendaftaran PETRONAS



Notis Penting untuk Pemohon

Pemohon dinasihatkan untuk meneliti dan memahami kandungan Panduan Am ini. Pemahaman yang jelas adalah penting bagi memastikan permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Syarat-syarat dan prosedur permohonan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Pemohon juga disarankan untuk menghubungi Bahagian Pelesenan dan Pendaftaran ('Licensing and Registration Section') secara terus bagi sebarang pertanyaan umum, termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan permohonan melalui butiran berikut:

PETRONAS Contact Centre

Tel: 1-800-88-0011

E-mel: lrs_enquiries@petronas.com

Semua permohonan yang berkaitan dengan Lesen dan Pendaftaran PETRONAS adalah berdasarkan konsep layan diri secara dalam talian ('**online**'). Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

PETRONAS tidak melantik atau mengesahkan mana-mana pihak ketiga bagi urusan pelesenan atau pendaftaran dengan PETRONAS. PETRONAS tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesulitan yang mungkin dihadapi oleh pemohon sekiranya permohonan Lesen atau Pendaftaran PETRONAS dilakukan melalui pihak ketiga.

Isi Kandungan

- [Glosari](#)
- [Pengenalan](#)
- [Syarat-Syarat Am Permohonan Lesen atau Permohonan PETRONAS](#)
- [Permohonan Melibatkan Syarikat Luar Negara](#)
- [Standard Bidang Kerja dan Kelengkapan \(SWEC\)](#)
- [Prosedur Permohonan Lesen atau Pendaftaran PETRONAS](#)
- [Jenis-Jenis Permohonan](#)
 - [Lesen atau Pendaftaran Baharu](#)
 - [Pembaharuan Lesen atau Pendaftaran](#)
 - [Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran](#)
 - [SWEC Baharu](#)
 - [Pembaharuan SWEC](#)
 - [Kemaskini SWEC](#)
 - [Pembatalan Lesen atau Pendaftaran](#)
 - [Pembatalan SWEC](#)
- [Proses Permohonan](#)
- [Keputusan Permohonan](#)
- [Peluang Penyertaan dalam Tender](#)
- [Peringatan](#)
- [Lampiran](#)


Glosari

Term	Definition or Explanation
Kakitangan	Kakitangan Syarikat merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> • Kakitangan pengurusan tanpa mengira status pekerjaan iaitu tetap, kontrak, peminjaman, dan lain-lain. • Kakitangan bukan pengurusan (eksekutif dan bukan eksekutif); kakitangan tetap sahaja.
SWEC 'General'	Produk atau perkhidmatan yang mempunyai impak kurang tinggi kepada perniagaan, bidang pasaran yang kurang kompleks dan/atau pelaburan yang kurang tinggi; mudah didapati di pasaran.
Lesen	<ul style="list-style-type: none"> • Lesen diperlukan bagi mana-mana Syarikat yang ingin menyediakan produk dan/atau perkhidmatan kepada sektor Huluhan dalam industri minyak dan gas di Malaysia. • Dengan Lesen yang sah, Syarikat dibenarkan untuk membekalkan produk dan/atau perkhidmatan kepada sektor Huluhan (Kumpulan Syarikat PETRONAS dan Syarikat-Syarikat 'Petroleum Arrangement Contract' (PAC) dan sektor Hiliran (Kumpulan Syarikat PETRONAS).
Pengurusan	Kakitangan yang memegang jawatan pengurusan dan ke atas (tetap, kontrak atau peminjaman). Contoh: Naib Presiden, Pengurus Projek, Pengurus Kewangan, Pengurus dan lain-lain.
'Minimum Technical Requirement' (MTR)	<ul style="list-style-type: none"> • Syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh Syarikat semasa membuat permohonan untuk SWEC tertentu. • Hanya terpakai kepada SWEC yang berkenaan sahaja. • Kebiasaanya diperlukan untuk SWEC 'Strategic'.
Pendaftaran	Pendaftaran diperlukan bagi mana-mana Syarikat yang ingin menyediakan produk dan/atau perkhidmatan kepada sektor Hiliran (Kumpulan Syarikat PETRONAS).
Syarat Khas	Syarat Khas yang diberikan kepada Syarikat di mana Syarikat dikehendaki mematuhi syarat tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan.
SWEC 'Strategic'	Produk atau perkhidmatan yang kompleks, mempunyai impak tinggi kepada perniagaan dan/atau pelaburan yang tinggi.
SWEC	SWEC (Standard Bidang Kerja dan Kelengkapan) merupakan kategori produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan kedua-dua sektor, iaitu Huluhan dan Hiliran, dalam industri minyak dan gas di Malaysia.
Pengurusan Tertinggi	Kakitangan bergaji dengan kedudukan tertinggi dalam Syarikat. (Contoh: Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan dan Presiden) yang bertanggungjawab ke atas keseluruhan Syarikat.



Pengenalan

1. Syarikat yang mempunyai Lesen atau Pendaftaran yang sah (bagi SWEC yang berkenaan), adalah layak untuk menyertai tender bagi Kumpulan Syarikat PETRONAS dan Syarikat-Syarikat 'Petroleum Arrangement Contract' (PAC), tertakluk kepada strategi perolehan.
2. Sila rujuk rajah di bawah untuk gambaran keseluruhan Lesen atau Pendaftaran:



Syarat-Syarat Am Permohonan Lesen atau Pendaftaran PETRONAS

Syarikat mestilah mematuhi kesemua syarat Am berikut:

1 Diperbadankan dalam Negara

Pendaftaran Syarikat (ROC)

atau

Pendaftaran Perniagaan (ROB)

atau

Badan Profesional (PB)

Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Syarikat:

- "Sdn Bhd" atau
- "Berhad" (persendirian) atau
- "Berhad" (awam).

- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sebagai Pemilikan Tunggal dan Perkongsian.
- ROB adalah bagi Semenanjung Malaysia sahaja.

Berdaftar dengan Badan Profesional yang berkenaan iaitu Lembaga Juruukur Tanah Malaysia untuk 'Juruukur Tanah', Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia untuk 'Penilai', Lembaga Arkitek Malaysia untuk 'Firma Arkitek' atau mana-mana badan profesional yang lain.

2 Memenuhi keperluan minima modal berbayar

Sektor Lesen

RM 100,000

VS

Sektor Pendaftaran

RM 10,000

Nota: Bagi Badan Profesional (PB), modal berbayar merujuk kepada Modal Syarikat atau Jumlah Keseluruhan Nilai Sumbangan. Modal berbayar mestilah memenuhi nilai minima seperti yang dinyatakan di atas.

3 Nilai Bersih Positif

Nilai bersih Syarikat yang terkini mestilah positif.

4 Berlesen atau berdaftar dalam sekurang-kurangnya satu SWEC

Syarikat hendaklah mempunyai Lesen atau Pendaftaran dalam sekurang-kurangnya satu SWEC (yang diluluskan) untuk Lesen atau Pendaftaran menjadi sah dan aktif.



Permohonan Melibatkan Syarikat Luar Negara

Terdapat tiga cara bagi syarikat dari luar negara untuk berlesen atau berdaftar dengan PETRONAS:

Melantik syarikat tempatan sebagai Ejen

atau

Menubuhkan cawangan tempatan di Malaysia

atau

Menubuhkan Syarikat Usahasama bersama Syarikat atau individu tempatan

- Ejen yang dilantik selaku wakil tempatan dan sebagai pembekal perkhidmatan.
 - Ejen yang dilantik mestilah:
 - i. mematuhi syarat-syarat Am.
 - ii. memohon untuk Berlesen atau Berdaftar dengan PETRONAS.
 - Syarikat dari Luar Negara digalakkan untuk memilih Ejen tempatan yang telah Berlesen atau Berdaftar dengan PETRONAS. Ini adalah untuk memastikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh PETRONAS telah dipatuhi.
- Cawangan tersebut mestilah:
 - i. mematuhi syarat-syarat Am.
 - ii. memohon untuk Berlesen atau Berdaftar dengan PETRONAS.
- Syarikat Usahasama tersebut mestilah:
 - i. mematuhi syarat-syarat Am.
 - ii. memohon untuk Berlesen atau Berdaftar dengan PETRONAS.




Standard Bidang Kerja dan Kelengkapan (SWEC)

Apa Itu SWEC

SWEC (Standard Bidang Kerja dan Kelengkapan) merupakan kategori produk atau perkhidmatan yang berkaitan dengan keperluan kedua-dua sektor iaitu Hulan dan Hiliran dalam industri minyak dan gas di Malaysia.

Jenis-Jenis SWEC

Terdapat dua jenis SWEC, iaitu:



Sekiranya melibatkan kedua-dua produk dan perkhidmatan, SWEC dikategorikan sebagai 'Perkhidmatan.'


Kategori SWEC

Terdapat dua kategori SWEC, iaitu:



Syarat- syarat bagi SWEC

Syarikat mestilah memenuhi syarat-syarat bagi SWEC seperti di bawah:



Standard Bidang Kerja dan Kelengkapan (SWEC)

Syarat Minima Bumiputera bagi SWEC

1. Syarat Minima Bumiputera telah ditetapkan pada 100% atau 51% atau 30% atau 0%.
2. Sila rujuk jadual di bawah untuk maklumat lanjut mengenai syarat minima Bumiputera berdasarkan jenis-jenis Syarikat i.e. Sdn Bhd/Berhad/ROB/PB:

Syarat Minima Bumiputera bagi SWEC	Syarat Minima Bumiputera bagi Syarikat			
	Ekuiti	Lembaga Pengarah	Pengurusan	Kakitangan
100%	100%	75%	75%	51%
51%	51% untuk Sdn Bhd/Berhad (persendirian)/ROB/PB	51%	51%	51%
	35% untuk Syarikat 'Berhad' (awam)			
	35% untuk Syarikat 'Sdn Bhd' yang dimiliki sekurang-kurangnya 51% oleh Syarikat Berhad (awam)			
	17.85% untuk Syarikat 'Berhad' (awam) yang dimiliki oleh 51% Syarikat Berhad (awam)			
30%	30% untuk Syarikat Sdn Bhd/Berhad (persendirian)/ROB/PB/Berhad (awam)/Syarikat 'Sdn Bhd' yang dimiliki 51% oleh Syarikat Berhad (awam)	30%	30%	30%
	17.85% untuk Syarikat 'Berhad' (awam) yang dimiliki 51% oleh Syarikat Berhad (awam)			
0%	0%	0%	0%	0%



Standard Bidang Kerja dan Kelengkapan (SWEC)

Senarai SWEC dan MTR

- Syarikat dinasihatkan agar sentiasa merujuk kepada senarai SWEC dan MTR terkini yang terdapat di [Laman Web PETRONAS](#).
- Setiap SWEC mempunyai penanda bagi Kategori Permohonan, Modus Operasi, Syarat Minima Bumiputera (%) dan SWEC MTR seperti rajah di bawah:

Updated SWEC							Updated SWEC Attributes							
No	New Level 1	New Level 2	New Level 3	New Level 4	Products / Services	New Code	Description	Strategic / General	L/R	Other Registration Requirement /Remarks	Mode of Operation	BM% Required	MTR	No of MTR
31	Chemicals	Commodity Chemicals	Other Commodity Chemicals		Product	10112400P	To supply and deliver Other Commodity Chemicals excluding Acids, Amines, Ammonia, API Class G Cement, Base Oil, Chloralkali, Disinfectants/Cleaner/Degreasing Agent, Fertilizer, Glycols, Industrial Detergents, Inks, Pigments, Coatings, Varnishes & Paints, Methanol, Oils & Lubricants, Oleochemicals, Resins, Salts, Solvents, Surfactants and Waste Water Treatment Chemicals	General	L/R	-	Manufacturer Dealer	30 51	No	0
32	Chemicals	Commodity Chemicals	Resins	ION Exchange Resin	Product	10112510P	To supply and provision of associated support services for Ion Exchange Resin	Strategic	L/R	Refer to MTR	Manufacturer Agent	30 51	Yes	1

Penanda Kategori Permohonan

Kategori Permohonan	Keterangan
L	Lesen
R	Pendaftaran

Penanda Modus Operasi (MOO)

Jenis MOO bagi produk SWEC	Jenis MOO untuk Perkhidmatan SWEC
<ul style="list-style-type: none"> Pengedar Ejen Pengadun Bahan Kimia Pemasang Pengintegrasikan Sistem Pengilang Pemfabrikasi 	<ul style="list-style-type: none"> Ejen Operasi-Sendiri Pengoperasi Penggerudi Pemilik Pengoperasi Penggerudi Pengoperasi Kapal Pemilik Pengoperasi Kapal

Penanda Syarat Minima Bumiputera


Penanda SWEC MTR

Jenis Kenyataan	Keterangan
Yes	SWEC mempunyai MTR
No	SWEC tiada MTR



Prosedur Permohonan Lesen atau Pendaftaran PETRONAS

Semua jenis permohonan Lesen atau Pendaftaran PETRONAS adalah berkonsep layan diri secara dalam talian (**online**) melalui [PETRONAS License Management System \(PLMS\)](#).



Jenis-Jenis Permohonan


Berikut disenaraikan jenis-jenis permohonan yang terdapat dalam PLMS:

Lesen atau Pendaftaran Baharu	Pembaharuan Lesen atau Pendaftaran	Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran	Pembatalan Lesen atau Pendaftaran
SWEC Baharu	Pembaharuan SWEC	Kemas Kini SWEC	Pembatalan SWEC

Jenis-Jenis Permohonan

Lesen atau Pendaftaran Baru

1. Permohonan ini adalah bagi Syarikat yang belum pernah berlesen atau berdaftar dengan PETRONAS.
2. Sila rujuk aliran proses di bawah:



* Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pemetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

** Pembayaran lesen adalah bagi permohonan lesen sahaja.


*** Sebelum mengemukakan permohonan SWEC, sila rujuk senarai SWEC dan MTR yang terkini.

**** Syarikat hendaklah mempunyai Lesen atau Pendaftaran dalam sekurang-kurangnya satu SWEC (yang diluluskan) untuk Lesen atau Pendaftaran menjadi sah dan aktif.

Jenis-Jenis Permohonan

Pembaharuan Lesen atau Pendaftaran

1. Permohonan ini adalah bagi Syarikat yang ingin memperbaharui Lesen atau Pendaftaran yang hampir atau telah tamat tempoh sah Lesen atau Pendaftaran.
2. Syarikat boleh mengemukakan permohonan pembaharuan ini dalam tempoh empat bulan sebelum tarikh tamat sah Lesen atau Pendaftaran.
3. Syarikat hendaklah melakukan pembaharuan Lesen atau Pendaftaran seawal yang mungkin. Kelewatan memperbaharui Lesen atau Pendaftaran akan menjejaskan peluang Syarikat menyertai tender. Kesemua permohonan (termasuk pembaharuan pada saat akhir) akan diproses mengikut garis masa yang telah ditetapkan, iaitu 10 hari bekerja dari tarikh permohonan (tertakluk kepada permohonan yang lengkap dan betul).
4. Sila rujuk kepada aliran proses berikut:



* Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pemetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

** Pembayaran lesen adalah bagi permohonan lesen sahaja.

*** Sebelum mengemukakan permohonan SWEC, sila rujuk senarai SWEC dan MTR yang terkini.

**** Syarikat hendaklah mempunyai Lesen/Pendaftaran dalam sekurang kurangnya satu SWEC (yang diluluskan) agar Lesen atau Pendaftaran menjadi sah dan aktif.

Jenis-Jenis Permohonan

Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran

1. Syarikat **dikehendaki** untuk melakukan kemas kini profil dan maklumat Syarikat apabila:

i. Terdapat perubahan pada Profil Syarikat atau Maklumat Syarikat:

Terdapat perubahan seperti berikut:

- Nama Syarikat.
- Pertukaran Alamat Berdaftar/Perniagaan/Cawangan.
- Nombor Telefon.
- Alamat e-mel.
- Pemilikan Ekuiti .
- Lembaga Pengarah.
- Pemunyaan Benefisial/'Beneficial Ownership' (BO).
- Pengurusan.
- Bilangan Kakitangan Syarikat.
- Perubahan sektor iaitu perubahan daripada sektor Lesen kepada sektor Pendaftaran atau sebaliknya.

Nota:


- a) Kemas kini maklumat mestilah dilakukan *dalam tempoh empat belas hari* daripada tarikh perubahan tersebut.
- b) Bagi Nilai Bersih, Syarikat dikehendaki untuk mengemukakan Penyata Kewangan yang terkini pada setiap tahun kepada PETRONAS (dalam tempoh 8 bulan daripada tarikh akhir penyata kewangan). Sehubungan dengan itu, Syarikat perlulah memastikan serahan kepada SSM dilakukan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

ii. Untuk mematuhi Syarat Khas

Syarikat mestilah mematuhi Syarat Khas Lesen atau Pendaftaran PETRONAS untuk memastikan nama Syarikat sentiasa tersenarai dalam 'List of Licensed or Registered Companies (LLRC)' PETRONAS sepanjang tempoh sah Lesen atau Pendaftaran.

2. Kegagalan untuk memenuhi perkara i. dan ii. mungkin dianggap sebagai melanggar Syarat Am Lesen/Pendaftaran, dan mengakibatkan status Ketidakpatuhan (*Non-Compliance*) Syarikat.

3. Sila rujuk kepada aliran proses berikut:



* Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pembetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

** Pembayaran lesen adalah bagi permohonan untuk menaiktaraf dari sektor Pendaftaran kepada sektor Lesen Sahaja.

Jenis-Jenis Permohonan

SWEC Baharu

1. Permohonan ini adalah bagi Syarikat yang ingin menambah SWEC kepada bidang yang sedia ada.
2. Sebelum menghantar permohonan, sila rujuk senarai SWEC dan MTR yang terkini.
3. Sila rujuk kepada aliran proses berikut:



* Syarikat tidak boleh menghantar permohonan SWEC jika mempunyai permohonan ('*Company Application*') yang sedang diproses.

** Syarikat boleh membuat permohonan SWEC secara pukal pada masa yang sama.

*** Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pembetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

Pembaharuan SWEC

1. Permohonan ini adalah bagi Syarikat yang ingin memperbaharui SWEC semasa pembaharuan Lesen atau Pendaftaran.
2. Sebelum menghantar permohonan, sila rujuk senarai SWEC dan MTR yang terkini.
3. Sila rujuk kepada aliran proses berikut:



* Syarikat tidak boleh menghantar permohonan SWEC jika mempunyai permohonan ('*Company Application*') yang sedang diproses.

** Syarikat boleh membuat permohonan SWEC secara pukal pada masa yang sama.

*** Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pembetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

**** Syarikat hendaklah mempunyai Lesen/Pendaftaran dalam sekurang-kurangnya satu SWEC (yang diluluskan) agar Lesen atau Pendaftaran menjadi sah dan aktif.

Jenis-Jenis Permohonan

Kemas Kini SWEC

1. Syarikat hendaklah melakukan Kemas Kini SWEC apabila:

<p>i. Terdapat perubahan maklumat and dokumen yang telah dikemukakan pada SWEC yang telah diluluskan</p> <p>Contoh: Apabila terdapat perubahan prinsipal, kakitangan, sijil, fasiliti, peralatan, dan lain-lain.</p>	<p>ii. Untuk mematuhi Syarat Khas</p> <p>Syarikat mestilah mematuhi Syarat Khas Lesen atau Pendaftaran PETRONAS untuk memastikan nama Syarikat sentiasa tersenarai dalam 'List of Licensed or Registered Companies (LLRC)' PETRONAS sepanjang tempoh sah Lesen atau Pendaftaran.</p>
--	--

2. Sila rujuk kepada aliran proses berikut:



* Syarikat tidak boleh menghantar permohonan SWEC jika mempunyai permohonan ('Company Application') yang sedang diproses.


** Syarikat boleh membuat permohonan SWEC secara pukal pada masa yang sama.

*** Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pembetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

Jenis-Jenis Permohonan

Pembatalan Lesen atau Pendaftaran

1. Permohonan ini adalah bagi Syarikat yang tidak lagi ingin membekalkan produk dan/atau perkhidmatan kepada Kumpulan Syarikat PETRONAS atau Syarikat-Syarikat 'Petroleum Arrangement Contract' (PAC).
2. Sila rujuk kepada aliran proses berikut:



*Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pembetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

3. Sila rujuk rajah di bawah bagi syarat-syarat yang perlu dipenuhi apabila mengemukakan permohonan Pembatalan Lesen atau Pendaftaran Syarikat dalam PLMS:

Mengemukakan ringkasan pembatalan dalam PLMS



Lampirkan surat rasmi

Ringkasan tersebut hendaklah mengandungi:

- i. Sebab pembatalan.
- ii. Sebab pembatalan yang dikemukakan dalam PLMS mestilah sama dengan sebab pembatalan yang dikemukakan dalam surat rasmi yang dilampirkan.

Surat rasmi hendaklah mengandungi:

- i. Sebab pembatalan Lesen atau Pendaftaran.
- ii. Pengesahan bahawa tiada tender atau kontrak yang masih dijalankan.
- iii. Surat tersebut hendaklah ditandatangani oleh pemegang saham terbesar dan Pengurusan Tertinggi Syarikat.

4. Lesen atau Pendaftaran Syarikat yang telah tamat tempoh melebihi satu tahun akan dibatalkan secara automatik apabila tiada sebarang pembaharuan dilakukan.
5. Jika Syarikat berhasrat untuk memperbaharui Lesen atau Pendaftaran selepas pembatalan, Syarikat hendaklah melakukan permohonan Pembaharuan Lesen atau Pendaftaran dalam PLMS.

Jenis-Jenis Permohonan

Pembatalan SWEC

1. Permohonan ini adalah bagi Syarikat yang tidak lagi ingin membekalkan produk dan/atau perkhidmatan bagi SWEC yang telah diluluskan.
2. Sila rujuk kepada aliran proses berikut:



* Syarikat tidak boleh menghantar permohonan SWEC jika mempunyai permohonan ('Company Application') yang sedang diproses.

** Syarikat boleh membuat permohonan SWEC secara pukal pada masa yang sama.

*** Permohonan mungkin akan dikembalikan kepada Syarikat untuk penjelasan lanjut/pembetulan/apabila tidak memenuhi syarat.

**** Syarikat hendaklah mempunyai Lesen/Pendaftaran dalam sekurang-kurangnya satu SWEC (yang diluluskan) agar Lesen atau Pendaftaran menjadi sah dan aktif.

3. Sila rujuk rajah di bawah bagi syarat-syarat yang perlu dipenuhi apabila mengemukakan permohonan Pembatalan SWEC dalam PLMS:

Mengemukakan ringkasan pembatalan dalam PLMS

Ringkasan tersebut hendaklah mengandungi:

- i. Sebab pembatalan.
- ii. Sebab pembatalan yang dikemukakan dalam PLMS mestilah sama dengan sebab pembatalan yang dikemukakan dalam surat rasmi yang dilampirkan.



Lampirkan surat rasmi

Surat rasmi hendaklah mengandungi:

- i. Sebab pembatalan Lesen atau Pendaftaran.
- ii. Pengesahan bahawa tiada tender atau kontrak yang masih dijalankan.
- iii. Surat tersebut hendaklah ditandatangani oleh pemegang saham terbesar dan Pengurusan Tertinggi Syarikat.

Proses Permohonan

1. Tempoh anggaran bagi proses permohonan:

Jenis Permohonan	Tempoh Anggaran
Baharu/Pembaharuan/Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran	10 hari bekerja dari tarikh permohonan *tertakluk kepada permohonan yang lengkap dan betul
Baharu/Pembaharuan/Kemas Kini SWEC	10 hari bekerja dari tarikh permohonan *tertakluk kepada permohonan yang lengkap dan betul
Pembatalan SWEC/Lesen/Pendaftaran	5 hari bekerja dari tarikh permohonan *tertakluk kepada permohonan yang lengkap dan betul

2. Syarikat akan mendapat e-mel notifikasi secara automatik apabila:
 - i. Permohonan dikembalikan untuk pembetulan.
 - ii. Permohonan ditolak atas sebab tidak memenuhi syarat.
 - iii. Permohonan diluluskan.
 - iv. Pembayaran Lesen (jika perlu).
 - v. Peringatan untuk mematuhi Syarat Khas.
3. Jika Syarikat tidak mendapat sebarang e-mel notifikasi mengenai status permohonan dalam jangka masa seperti yang tertera di atas, Syarikat boleh memeriksa status permohonan dalam PLMS.
4. Syarikat diingatkan untuk sentiasa memastikan maklumat (untuk dihubungi) yang dikemukakan dalam PLMS adalah yang terkini dan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Keputusan Permohonan

1. Tempoh sah Lesen dan Pendaftaran PETRONAS adalah selama tiga tahun.
2. Entiti yang berlesen dikehendaki menjelaskan yuran lesen berdasarkan Modal Berbayar (*'Paid-up Capital'*) atau Jumlah Keseluruhan Nilai Sumbangan (*'Total Contribution'*) seperti di bawah:

Modal Berbayar atau Jumlah Keseluruhan Nilai Sumbangan	Yuran Lesen Tahunan
RM100,000 - RM1,000,000	RM 250
Melebihi RM1,000,000 - RM5,000,000	RM 500
Melebihi RM5,000,000	RM 1,000

3. Yuran lesen hanya perlu dibayar bagi permohonan 'Lesen **Baharu**', 'Pembaharuan Lesen' dan 'Menaiktaraf Pendaftaran kepada Lesen' sahaja.
4. Yuran lesen mestilah dijelaskan dalam tempoh lima hari daripada tarikh e-mel dihantar kepada Syarikat.
5. Pembayaran yuran lesen hanya boleh dilakukan melalui pembayaran dalam talian *FPX* sahaja. Pembayaran melalui kaedah lain seperti wang tunai, kiriman wang, cek peribadi atau kad kredit tidak diterima.
6. Sijil Digital Pendaftaran boleh didapati dalam PLMS setelah permohonan diluluskan, sementara Sijil Digital Lesen boleh didapati dalam PLMS setelah permohonan diluluskan dan bayaran yuran lesen diterima.



Peluang Penyertaan dalam Tender

1. Syarikat yang mempunyai Lesen atau Pendaftaran yang sah untuk SWEC yang berkaitan sahaja berpeluang untuk terlibat dalam tender (tertakluk kepada strategi perolehan) Kumpulan Syarikat PETRONAS dan Syarikat-Syarikat 'Petroleum Arrangement Contract' (PAC) kerana Syarikat tersenarai dalam 'List of Licensed or Registered Companies (LLRC)' PETRONAS.
2. Syarikat digalakkan untuk memperkenalkan dan mempromosikan produk dan/atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada Kumpulan Syarikat PETRONAS dan Syarikat-Syarikat 'Petroleum Arrangement Contract' (PAC) .
3. Jika sesebuah Syarikat Berlesen atau Berdaftar ditawarkan untuk menyertai sesebuah tender, Syarikat tersebut hendaklah terlebih dahulu memberi maklum balas terhadap tawaran tersebut. Kegagalan untuk menjawab atau menolak tawaran tersebut, tanpa alasan yang munasabah berulang kali (untuk SWEC yang sama) mungkin akan menyebabkan Syarikat tersebut tidak ditawarkan untuk tender bagi skop kerja yang sama pada masa akan datang.
4. Jika Syarikat gagal untuk mematuhi Syarat Khas yang ditetapkan, secara automatik, Syarikat tersebut tidak akan tersenarai **dalam 'List of Licensed or Registered Companies (LLRC)'** PETRONAS walaupun tempoh Lesen atau Pendaftaran masih sah.

Peringatan

1. Pemohon dinasihatkan agar memahami Panduan Am ini sepenuhnya sebelum mengemukakan permohonan melalui sistem PLMS. Permohonan akan ditolak sekiranya maklumat yang dikemukakan:
 - tidak lengkap; ATAU
 - terdapat dokumen yang tidak lengkap; ATAU
 - gagal memenuhi syarat-syarat Am dan/atau syarat-syarat SWEC.
2. Pemegang Saham atau Pengarah Syarikat yang sama dalam dua atau lebih Syarikat tidak boleh memohon dan berlesen atau berdaftar dalam SWEC yang sama. Ini bertujuan untuk mengelak berlakunya sebarang percanggahan kepentingan.
3. Semasa proses permohonan, pegawai Bahagian Pelesenan dan Pendaftaran mungkin akan menghubungi pemohon sekiranya terdapat sebarang kemusykilan. Pemohon hendaklah memberi kerjasama sebaik mungkin.
4. Dokumen yang dilampirkan mestilah sah sepanjang tempoh Lesen atau Pendaftaran.
5. Semua dokumen yang dihantar mestilah diimbas dari dokumen asal dan dalam versi berwarna. Jika dokumen asal berwarna Hitam dan Putih, dokumen tersebut hendaklah disahkan **sebagai 'Certified True Copy' (CTC)**.
Nota: Peraturan di atas terpakai untuk permohonan Syarikat dan SWEC.
6. Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan butiran (untuk dihubungi) yang dinyatakan dalam PLMS adalah yang terkini dan dikemaskini dari semasa ke semasa.
7. Syarikat hendaklah memberi kerjasama kepada wakil PETRONAS semasa lawatan audit ke premis Syarikat dan membenarkan wakil PETRONAS untuk menyemak atau menyalin dokumen-dokumen yang diperlukan termasuk menemubual kakitangan Syarikat.



Lampiran

- [Appendix 1: Definisi Modus Operasi \(MOO\)](#)
- [Appendix 2: Senarai Semak Dokumen untuk Permohonan Baharu/Pembaharuan/Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran](#)
- [Appendix 3: Senarai Semak Berdasarkan Modus Operasi bagi SWEC yang Dimohon](#)
- [Appendix 4: Pelantikan Ejen – Panduan Surat Pelantikan Ejen](#)
- [Appendix 5: Pelantikan Ejen – Templat Surat Pelantikan Ejen](#)
- [Appendix 6: Templat untuk Pengilang, Pemasang, Pengadun Bahan Kimia, Pemfabrikasi, Pempakej dan Pengintegrasikan Sistem](#)



Appendix 1: Definisi Modus Operasi (MOO)

Modus Operasi (MOO)	Definisi
Pengedar (Dealer)	Syarikat yang mengedarkan produk dari mana-mana pembekal atau pengilang.
Ejen (Agent)	Syarikat yang mewakili Prinsipal (Syarikat tempatan atau Syarikat asing) dalam membekalkan produk atau perkhidmatan di Malaysia.
Operasi Sendiri (Self-operated)	Syarikat yang menjalankan kerja-kerja menggunakan sumber dalaman Syarikat seperti tenaga kerja, kepakaran, fasiliti dan peralatan sendiri.
Pengilang (Manufacturer)	Syarikat yang membuat dan/atau menghasilkan bahan atau produk untuk kegunaan yang termasuk pemasangan bahagian melalui proses pembuatan.
Pemasang (Assembler)	Syarikat yang memasang pelbagai bahagian produk dan menyatukannya untuk membuat produk siap.
Pengadun Bahan Kimia (Chemical Blender)	Syarikat yang mencampur atau menggabungkan bahan mentah menjadi campuran produk kimia.
Pemfabrikasi (Fabricator)	Syarikat yang terlibat dalam pembinaan mesin dan struktur dari pelbagai bahan mentah dan biasanya berdasarkan gambar dan reka bentuk kejuruteraan.
Pengintegrasikan Sistem (System Integrator)	Syarikat yang membina sistem dengan mengintegrasikan produk perkakasan dan perisian.
Pengoperasi Penggerudi atau Kapal (Rig/Vessel Operator)	Syarikat yang mengendalikan rig atau kapal menggunakan tenaga kerja dalaman mereka (kepakaran) tetapi tidak memiliki kapal tersebut.
Pemilik-pengoperasi Penggerudi atau Kapal (Rig or Vessel Owner-Operator)	Syarikat yang memiliki dan mengendalikan rig atau kapal.



Lampiran 2: Senarai Semak Dokumen untuk Permohonan Baharu/Pembaharuan/Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran (1/3)

No.	Dokumen	Penerangan dan Lampiran-Lampiran Penting
1	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat mestilah diperbadankan dalam negara sebagai: <ul style="list-style-type: none"> a) "Sdn Bhd" atau b) Syarikat "Berhad" (persendirian) atau c) Syarikat "Berhad" (awam) atau d) Pemilikan Tunggal dan Perkongsian (Nota: ROB adalah bagi Semenanjung Malaysia sahaja). ii. Syarikat hendaklah memastikan maklumat Syarikat di SSM adalah yang terkini. iii. Pengecualian diberikan kepada badan professional seperti Lembaga Jurukur Tanah Malaysia untuk 'Jurukur Tanah', Lembaga Penilai, Penilai dan Ejen Hartanah Malaysia untuk 'Penilai', Lembaga Arkitek Malaysia untuk 'Firma Arkitek' atau badan-badan profesional berkaitan lain. Syarikat dikehendaki mengemukakan pendaftaran/pengesahan yang berkaitan dengan badan professional tersebut. iv. Maklumat yang tidak terdapat dalam SSM perlu dikemukakan secara manual dalam PLMS oleh Syarikat.
2	Pengisytiharan Pemunyaan Benefisial atau 'Beneficial Ownership' (BO)	<ul style="list-style-type: none"> i. Syarikat hendaklah mengisytiharkan maklumat BO kepada PETRONAS. Maklumat tersebut akan digunapakai untuk pihak dalaman PETRONAS sahaja dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga. Syarikat boleh mengemaskini maklumat BO melalui: <ul style="list-style-type: none"> a) Jika Lesen atau Pendaftaran Syarikat akan tamat tempoh dalam masa kurang dari empat bulan, kemas kini boleh dilakukan melalui Permohonan Pembaharuan Lesen/Pendaftaran. b) Sebaliknya, Syarikat boleh berbuat demikian melalui Permohonan Kemas Kini Syarikat. ii. Kesemua maklumat mestilah dikemukakan agar Syarikat dapat menghantar Permohonan Syarikat (sama ada untuk Pembaharuan atau Pengemaskinian Syarikat) dalam PLMS. iii. Syarikat diingatkan dan dinasihatkan untuk merujuk Setiausaha Syarikat masing-masing mengenai maklumat yang perlu diberikan. iv. Sila rujuk Maklumat Tambahan Sistem Panduan Pengguna (<i>'How to Declare Beneficial Ownership inside PLMS'</i>) untuk maklumat lanjut tentang panduan cara mengisytihar BO dalam PLMS.



Lampiran 2: Senarai Semak Dokumen untuk Permohonan Baharu/Pembaharuan/Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran (2/3)

No.	Dokumen	Penerangan dan Lampiran-Lampiran Penting
3	Penyata Kewangan yang diaudit atau 'Audited Financial Statement' (AFS) yang terkini	<p>i. AFS perlulah yang terkini dan lengkap. Sila rujuk kepada kriteria berikut:</p> <p>a) Penyerahan AFS terkini mestilah dilakukan dalam tempoh 8 bulan daripada tarikh akhir penyata kewangan Syarikat.</p> <p>b) Bagi Syarikat 'Sdn Bhd' atau 'Berhad', jika AFS yang terkini tidak dapat dikemukakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Syarikat tidak dapat dihantar dalam PLMS. • Jika Syarikat mendapat kelulusan dari SSM iaitu lanjutan masa bagi serah simpan penyata kewangan ('<i>Extension of Time</i>'), Syarikat hendaklah mengemukakan surat kelulusan SSM kepada 'PETRONAS Contact Centre' (PCC). <p>c) Bagi Syarikat yang mempunyai penyata kewangan 'Group/Consolidated' yang dikemukakan kepada SSM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat kewangan Syarikat (bukan maklumat '<i>Group/Consolidated</i>') perlu dikemukakan secara manual dalam PLMS. • Mengemukakan lampiran penyata kewangan yang terkini dalam PLMS. <p>d) Syarikat yang memperoleh Pengecualian Syarikat Swasta atau 'Exempt <i>Private Company</i>' bagi Penyata Kewangan daripada SSM:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumat kewangan Syarikat perlu dikemukakan secara manual dalam PLMS. • Mengemukakan lampiran penyata kewangan yang terkini dalam PLMS. <p>e) Dokumen penyata kewangan yang dikemukakan hendaklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Diaudit oleh Juruaudit. • Disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah. • Ditandatangani oleh Pengarah Syarikat. • Termasuk Laporan Juruaudit. <p>f) Pengecualian diberikan kepada Syarikat yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ditubuhkan kurang daripada 20 bulan dari tarikh permohonan. • Bukan Syarikat 'Sdn Bhd' atau 'Berhad' (iaitu kategori ROB dan badan profesional). Walaubagaimanapun, Syarikat mestilah mengemukakan dokumen berikut: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Penyata Kewangan Tahunan tidak melebihi 8 bulan dari tarikh 31 Disember tahun tersebut, (ditandatangani oleh Pengurusan Tertinggi Syarikat) atau ▪ Akaun Pengurusan tidak melebihi 3 bulan dari tarikh permohonan Syarikat dihantar (ditandatangani oleh Pengurusan Tertinggi Syarikat). <p>ii. Nilai Bersih Syarikat mestilah positif. Syarikat dengan Nilai Bersih negatif tidak akan diterima.</p>



Lampiran 2: Senarai Semak Dokumen untuk Permohonan Baharu/Pembaharuan/Kemas Kini Lesen atau Pendaftaran (3/3)

No.	Dokumen	Penerangan dan Lampiran-Lampiran Penting
4	Pengesahan Status Bumiputera bagi Pemegang Saham, Pengarah, dan Kakitangan Pengurusan	<p>i. Bagi tujuan pengesahan Bumiputera bagi Pemegang Saham dan Pengarah, Syarikat hendaklah mengemukakan:</p> <p>a) <i>'Form of Annual Return (FoAR) of a Company having a Share Capital'</i> terkini</p> <p>ii. Untuk pengesahan status Bumiputera bagi Kakitangan Pengurusan, Syarikat hendaklah mengemukakan:</p> <p>a) Sijil Lahir yang menyatakan bangsa ATAU</p> <p>b) Surat Pengesahan status Bumiputera daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Hal Ehwal Anak Negeri Sabah (PHEANS) • Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (MANWPL) <p><i>Nota: Untuk Kakitangan Pengurusan yang juga adalah Pemegang Saham/Pengarah dan 'Form of Annual Return' telah dikemukakan, tiada dokumen sokongan lain diperlukan.</i></p>
5	Mematuhi syarat-syarat SWEC yang dimohon	<p>i. Syarikat mestilah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan untuk SWEC seperti berikut:</p> <p>a) Mematuhi syarat minima Bumiputera di kesemua empat peringkat (Ekuiti, Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Kakitangan) bagi SWEC yang dimohon.</p> <p>b) Memenuhi syarat yang dinyatakan dalam SWEC tersebut. Contoh, 'Minimum Technical Requirement' (MTR), salinan sijil daripada badan berkanun, surat pelantikan ejen, dan lain-lain.</p> <p>ii. Dokumen yang dilampirkan hendaklah sah sepanjang tempoh Lesen atau Pendaftaran.</p> <p>iii. Semua dokumen yang dihantar mestilah diimbas dari dokumen asal dan dalam versi berwarna. Jika dokumen asal berwarna Hitam dan Putih, dokumen tersebut hendaklah disahkan sebagai 'Certified true Copy' (CTC).</p> <p><i>Nota: Peraturan di atas terpakai untuk permohonan Syarikat dan SWEC.</i></p> <p>iv. Untuk kelayakan akademik, salinan sijil (e.g. Sijil, Diploma, Ijazah and PhD) hendaklah dikemukakan. 'Resume' atau 'Curriculum Vitae' tidak diterima.</p> <p>v. Syarikat hendaklah mempunyai Lesen atau Pendaftaran dalam sekurang kurangnya satu SWEC (yang diluluskan) agar Lesen atau Pendaftaran menjadi sah dan aktif.</p>



Lampiran 3: Senarai Semak Berdasarkan Modus Operasi bagi SWEC yang Dimohon (1/3)

No.	Modus Operasi (MOO) SWEC	Penerangan dan Lampiran-Lampiran Penting
1	Pengedar (bagi produk)	i. Pengedar adalah Syarikat yang mengedarkan produk dari mana-mana pembekal atau pengilang. ii. Menyediakan dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dimohon.
2	Ejen (bagi produk atau perkhidmatan)	i. Ejen adalah Syarikat yang mewakili Prinsipal (Syarikat tempatan atau Syarikat asing) dalam membekalkan produk atau perkhidmatan di Malaysia. ii. Untuk SWEC yang sama: a) Prinsipal boleh membekalkan produk dan/atau perkhidmatan melalui satu Ejen atau lebih (pelantikan eksklusif atau bukan eksklusif). b) Syarikat boleh menjadi Ejen untuk lebih daripada satu Prinsipal. iii. Tempoh minimum pelantikan ejen adalah tiga tahun. Tempoh lebih daripada tiga tahun adalah sangat digalakkan. Contoh: Lima tahun pelantikan sebagai Ejen. iv. Untuk menyediakan 'Surat Lantikan Ejen' dari Prinsipal, sila rujuk Lampiran 4 dan Lampiran 5 untuk maklumat lanjut berkenaan Surat Lantikan Ejen. v. Surat Lantikan Ejen mestilah diperbaharui tiga bulan sebelum tarikh tamat untuk memastikan SWEC kekal sah. vi. Menyediakan dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dimohon, e.g. salinan yang disahkan benar oleh prinsipal, Stem Rasmi prinsipal atau tandatangan Pengarah prinsipal, dan lain-lain.
3	Operasi-sendiri (untuk perkhidmatan)	i. Syarikat yang beroperasi-sendiri adalah Syarikat yang menjalankan kerja-kerja menggunakan sumber dalaman Syarikat seperti tenaga kerja, kepakaran, fasiliti dan peralatan sendiri. ii. Menyediakan dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dimohon, e.g. salinan yang disahkan benar oleh Syarikat, Stem Rasmi Syarikat atau tandatangan Pengarah Syarikat, dan lain-lain. iii. Semua sijil dan/atau dokumen yang diperlukan hendaklah atas nama Syarikat.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Pengilang • Pemasang • Pengadun Bahan Kimia • Pemfabrikasi • Pengintegrasikan Sistem 	i. Syarikat perlulah mengemukakan dokumen seperti berikut: a) Senarai peralatan/mesin/perkakasan/perisian/kenderaan. b) Lesen pengilang daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) atau Majlis Tempatan. <ul style="list-style-type: none"> • Syarikat perlulah melampirkan surat pengecualian daripada MIDA jika Syarikat layak untuk pengecualian. c) Risalah teknikal atau komersial untuk produk. d) Pelan tapak kilang. e) Carta aliran proses seperti contoh proses pengilangan . f) Menyediakan dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dimohon, e.g. salinan yang disahkan benar oleh Syarikat, Stem Rasmi Syarikat atau tandatangan Pengarah Syarikat, dan lain-lain. ii. Sila rujuk kepada Lampiran 6 untuk templat yang disediakan.



Lampiran 3: Senarai Semak Berdasarkan Modus Operasi bagi SWEC yang Dimohon (2/3)

No.	Modus Operasi (MOO) SWEC	Penerangan dan Lampiran-Lampiran Penting																										
5	Permohonan Penggerudi (Rig) <ul style="list-style-type: none"> Ejen Pengoperasi Penggerudi Pemilik-pengoperasi Penggerudi 	<p>i. Berikut adalah dokumen yang diperlukan untuk SWEC Baharu dan Pembaharuan SWEC berdasarkan Modus Operasi yang dimohon:</p> <table border="1" data-bbox="415 571 1376 1172"> <thead> <tr> <th data-bbox="415 571 654 656">MOO Dokumen</th> <th data-bbox="654 571 811 656">Ejen</th> <th data-bbox="811 571 1033 656">Pengoperasi Penggerudi</th> <th data-bbox="1033 571 1376 656">Pemilik-pengoperasi Penggerudi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="415 656 654 741">'Certificate Of Registry' (CoR)</td> <td colspan="3" data-bbox="654 656 1376 741">Atas nama Pemilik Penggerudi</td> </tr> <tr> <td data-bbox="415 741 654 826">Surat Pelantikan</td> <td colspan="2" data-bbox="654 741 1033 826">Daripada Pemilik Penggerudi</td> <td data-bbox="1033 741 1376 826">Tidak Berkenaan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="415 826 654 1172">Nota</td> <td colspan="2" data-bbox="654 826 1033 1172"> <ul style="list-style-type: none"> CoR dan Surat Pelantikan daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. </td> <td data-bbox="1033 826 1376 1172"> <ul style="list-style-type: none"> CoR daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. </td> </tr> </tbody> </table> <p>ii. Berikut adalah dokumen yang diperlukan untuk SWEC Baharu dan Pembaharuan SWEC yang dimohon bagi Modus Operasi Pemilik-pengoperasi Penggerudi:</p> <table border="1" data-bbox="415 1313 1376 1877"> <thead> <tr> <th data-bbox="415 1313 715 1373">MOO Dokumen</th> <th data-bbox="715 1313 1376 1373">Pemilik-pengoperasi Penggerudi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="415 1373 715 1489">'Sales and Purchase Agreement' (SPA) Penggerudi</td> <td data-bbox="715 1373 1376 1489">Atas nama Pemilik Penggerudi</td> </tr> <tr> <td data-bbox="415 1489 715 1605">Perjanjian Pinjaman Kemudahan dari Bank Tempatan</td> <td data-bbox="715 1489 1376 1605">Atas nama Pemilik Penggerudi</td> </tr> <tr> <td data-bbox="415 1605 715 1684">Bukti Pemilikan atau Pemilikan Mutlak</td> <td data-bbox="715 1605 1376 1684">Surat Rasmi dari Syarikat yang menunjukkan pecahan pemilikan pengoperasi penggerudi dalam peratus (%)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="415 1684 715 1877">Nota</td> <td data-bbox="715 1684 1376 1877"> <ul style="list-style-type: none"> SPA dan Perjanjian Pinjaman Kemudahan daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. </td> </tr> </tbody> </table> <p>iii. Menyediakan dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dimohon.</p>	MOO Dokumen	Ejen	Pengoperasi Penggerudi	Pemilik-pengoperasi Penggerudi	'Certificate Of Registry' (CoR)	Atas nama Pemilik Penggerudi			Surat Pelantikan	Daripada Pemilik Penggerudi		Tidak Berkenaan	Nota	<ul style="list-style-type: none"> CoR dan Surat Pelantikan daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. 		<ul style="list-style-type: none"> CoR daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. 	MOO Dokumen	Pemilik-pengoperasi Penggerudi	'Sales and Purchase Agreement' (SPA) Penggerudi	Atas nama Pemilik Penggerudi	Perjanjian Pinjaman Kemudahan dari Bank Tempatan	Atas nama Pemilik Penggerudi	Bukti Pemilikan atau Pemilikan Mutlak	Surat Rasmi dari Syarikat yang menunjukkan pecahan pemilikan pengoperasi penggerudi dalam peratus (%)	Nota	<ul style="list-style-type: none"> SPA dan Perjanjian Pinjaman Kemudahan daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan.
MOO Dokumen	Ejen	Pengoperasi Penggerudi	Pemilik-pengoperasi Penggerudi																									
'Certificate Of Registry' (CoR)	Atas nama Pemilik Penggerudi																											
Surat Pelantikan	Daripada Pemilik Penggerudi		Tidak Berkenaan																									
Nota	<ul style="list-style-type: none"> CoR dan Surat Pelantikan daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. 		<ul style="list-style-type: none"> CoR daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. 																									
MOO Dokumen	Pemilik-pengoperasi Penggerudi																											
'Sales and Purchase Agreement' (SPA) Penggerudi	Atas nama Pemilik Penggerudi																											
Perjanjian Pinjaman Kemudahan dari Bank Tempatan	Atas nama Pemilik Penggerudi																											
Bukti Pemilikan atau Pemilikan Mutlak	Surat Rasmi dari Syarikat yang menunjukkan pecahan pemilikan pengoperasi penggerudi dalam peratus (%)																											
Nota	<ul style="list-style-type: none"> SPA dan Perjanjian Pinjaman Kemudahan daripada kumpulan Syarikat Pemilik Penggerudi boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. 																											



Lampiran 3: Senarai Semak Berdasarkan Modus Operasi bagi SWEC yang Dimohon (3/3)

No.	Modus Operasi (MOO) SWEC	Penerangan dan Lampiran-Lampiran Penting							
6	Permohonan Kapal (Marine Vessel) <ul style="list-style-type: none"> Ejen Pengoperasi Kapal Pemilik-pengoperasi Kapal 	i. Berikut adalah dokumen yang diperlukan untuk permohonan SWEC Baharu dan Pembaharuan SWEC berdasarkan Modus Operasi yang dimohon:							
		<table border="1"> <thead> <tr> <th data-bbox="415 602 672 733">MOO / Dokumen</th> <th data-bbox="672 602 858 733">Ejen</th> <th data-bbox="858 602 1090 733">Pengoperasi Kapal</th> <th data-bbox="1090 602 1390 733">Pemilik-pengoperasi Kapal</th> </tr> </thead> </table>	MOO / Dokumen	Ejen	Pengoperasi Kapal	Pemilik-pengoperasi Kapal			
		MOO / Dokumen	Ejen	Pengoperasi Kapal	Pemilik-pengoperasi Kapal				
		'Certificate of Registry' (CoR) *	Atas nama Pemilik Kapal						
		'Safety Management Certificate' **	Atas nama Kapal						
		'Document of Compliance' (DOC) **	Atas nama Pemilik Kapal	Atas nama Pengoperasi Kapal	Atas nama Pemilik Kapal				
		Surat Pelantikan	Atas nama Pemilik Kapal		Tidak Berkenaan				
Nota	<ul style="list-style-type: none"> CoR, DoC dan Surat Pelantikan daripada kumpulan Syarikat Pemilik Kapal boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. 		<ul style="list-style-type: none"> Permohonan dalam kumpulan Syarikat Pemilik Kapal yang sama boleh diterima, dengan sekurang-kurangnya 51% ekuiti. Dokumen sokongan untuk mengesahkan struktur Syarikat haruslah dikemukakan. 						
<p>* Bagi kapal yang didaftarkan di Denmark, sila kemukakan Sijil Kewarganegaraan.</p> <p>** Bagi Kapal dengan berat >500 mt sahaja.</p>									
ii. Menyediakan dokumen-dokumen lain untuk SWEC yang dimohon.									



Lampiran 4: Pelantikan Ejen – Panduan Surat Pelantikan Ejen (1/2)

No.	Maklumat Penting	Penerangan						
1	Maklumat Prinsipal	<ul style="list-style-type: none"> i. Prinsipal boleh terdiri daripada Syarikat tempatan atau Syarikat asing. ii. Mestilah mengandungi butiran Prinsipal berikut: <ul style="list-style-type: none"> a) Kepala surat rasmi. b) Nama penuh Syarikat. c) Alamat penuh. d) Nombor telefon. e) Alamat e-mel. 						
2	Maklumat Ejen	Ejen mestilah dari kalangan Syarikat tempatan yang memenuhi syarat-syarat Am Pelesenan atau Pendaftaran.						
3	Istilah Ejen	Istilah Ejen mestilah dinyatakan dengan jelas dalam surat. Hubungan lain seperti pengedar (<i>'distributor'</i> atau <i>'dealer'</i>) tidak diterima.						
4	Liputan Pelantikan	<ul style="list-style-type: none"> i. Surat pelantikan ejen boleh bersifat eksklusif atau tidak eksklusif dan hendaklah dinyatakan secara jelas dalam surat. ii. Liputan untuk pelantikan juga perlu dinyatakan secara jelas, seperti Asia Tenggara, Malaysia Barat, Malaysia Timur, Sabah, Sarawak, dan lain-lain. 						
5	Skop Produk atau Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> i. Perkhidmatan atau Produk yang dibekalkan hendaklah dinyatakan secara jelas dalam surat pelantikan. Syarikat boleh merujuk kepada format di bawah. <table border="1" data-bbox="435 1350 1353 1688"> <thead> <tr> <th>Kod SWEC</th> <th>Deskripsi SWEC</th> <th>Maklumat Berkaitan Produk atau Perkhidmatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Rujuk senarai SWEC terkini Contoh: 16221100P</td> <td>Rujuk senarai SWEC terkini. Contoh: Motor Vehicle</td> <td>Maklumat produk atau perkhidmatan yang ditawarkan Contoh: Passenger car, motorcycle, pickup truck, etc.</td> </tr> </tbody> </table> ii. Senarai produk atau perkhidmatan mestilah mengikut kategori dan SWEC yang dimohon mestilah ditonjolkan. Contohnya abjad ditebalkan atau ditukar warna. iii. Nyatakan deskripsi SWEC dengan spesifik dan gunakan terminologi yang tepat mengikut senarai SWEC terkini. 	Kod SWEC	Deskripsi SWEC	Maklumat Berkaitan Produk atau Perkhidmatan	Rujuk senarai SWEC terkini Contoh: 16221100P	Rujuk senarai SWEC terkini. Contoh: Motor Vehicle	Maklumat produk atau perkhidmatan yang ditawarkan Contoh: Passenger car, motorcycle, pickup truck, etc.
Kod SWEC	Deskripsi SWEC	Maklumat Berkaitan Produk atau Perkhidmatan						
Rujuk senarai SWEC terkini Contoh: 16221100P	Rujuk senarai SWEC terkini. Contoh: Motor Vehicle	Maklumat produk atau perkhidmatan yang ditawarkan Contoh: Passenger car, motorcycle, pickup truck, etc.						



Lampiran 4: Pelantikan Ejen – Panduan Surat Pelantikan Ejen (2/2)

No.	Maklumat Penting	Penerangan
6	Tempoh Pelantikan	i. Tarikh Mula dan Tamat Pelantikan mestilah dinyatakan dalam surat. <ul style="list-style-type: none"> • Tarikh perlulah dinyatakan secara lengkap iaitu mengandungi hari, bulan dan tahun. Tarikh Mula dan Tamat Pelantikan mestilah ditebalkan. ii. Tempoh minimum pelantikan Ejen adalah tiga tahun. Tempoh lebih dari tiga tahun adalah sangat digalakkan. Contoh: Lima tahun pelantikan sebagai Ejen. iii. Surat Lantikan Ejen mestilah diperbaharui tiga bulan sebelum tarikh tamat.
7	Penandatanganan Surat	i. Perlu mengandungi butiran penandatanganan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> a) Ditandatangani oleh Pengurusan Tertinggi Prinsipal atau wakil (bagi pihak) Pengurusan Tinggi (mestilah berjawatan Pengurus dan keatas). b) Nama penuh penandatanganan. c) Jawatan penandatanganan. ii. Tandatangan digital adalah diterima.

Lampiran 5: Pelantikan Ejen – Templat Surat Pelantikan Ejen

Complete Principal's Name
Full Address
Postcode Country.
Tel: +49 (0) XXXX / XXXX-X
E-mail Address: xxx@xy.de Website: www.xx.de

Letter Head

1

Date of Letter

Complete Agent's Name
Full Address
Postcode Country.
Attention: Full Name
Designation

2

Dear Sir,

RE: APPOINTMENT LETTER

We, (name of principal) hereby confirm that your company, (name of Agent) has been appointed as our AGENT on exclusive / non-exclusive basis in the territory of Malaysia for our product as follows:

3

SWEC Code	Scope Description	Information of Product or Service
Refer to PETRONAS SWEC List E.g. 16221100P	Refer to PETRONAS SWEC List E.g. Motor Vehicle	Details of product or service offered E.g. Passenger car, motorcycle, pickup truck, etc.

4


5

This appointment shall be for a period of ____ (years) effective from ____ (day, month, year) to ____ (day, month, year) and must be renewed in writing before expiration.

6

Thank you.

Yours faithfully,




SAMPLE

Principal Authorised Signature
Full Name
Designation

7

31



Lampiran 6: Templat untuk Pengilang, Pemasang, Pengadun Bahan Kimia, Pemfabrikasi, Pempakej dan Pengintegrasian Sistem

Kilang/Bengkel dan Senarai Peralatan

Kilang/lapangan fabrikasi/bengkel/stor

Alamat					
Keluasan		Pemilikan (sila tanda 'v')		Pemilikan Sendiri	Disewa
Nama Pemilik (jika disewa)					
Alamat Pemilik (jika disewa)					

Lesen pengilang daripada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)/Majlis Tempatan

Nombor lesen		Tempoh lesen	
--------------	--	--------------	--

*Sila sertakan *salinan sijil* bagi lesen pengilang yang tersebut di atas.

Senarai Peralatan

Bil	Peralatan/mesin/perkakasan/perisian/kenderaan	Kuantiti/Saiz/Keluasan	Pemilikan (pemilikan sendiri/disewa)	Pemilik (jika disewa)